

130 kakitangan UMS jayakan Pink Ribbon Walk 2017

UB 4.11.2017 A15

KOTAKINABALU: Seramai 130 kakitangan dari pelbagai jabatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjayakan program Pink Ribbon Walk 2017.

Program anjuran Jabatan Perpustakaan UMS itu bermula di foyer perpustakaan seterusnya di sekitar kawasan jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dewan Canselor dan kembali ke Perpustakaan UMS.

Pelepasan acara tepat jam 8 pagi itu disempurnakan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Per-

batan dan Sains Kesihatan UMS Dr Aza Sherin Mohamad Yusuff merangkap Timbalan Yang Dipertua Kesumba UMS.

Menurut kenyataan Jabatan Perpustakaan, Pink Ribbon Walk bertujuan mengadakan kempen kesedaran kepada warga UMS dan komuniti sekitarnya terhadap penyakit kanser, tanda dan gejala serta rawatan yang boleh diberikan semasa membuat saringan awal kanser, di samping mengubah tingkah laku serta memperkasa komuniti ke arah



PARA peserta Pink Ribbon Walk merakamkan gambar kenangan.

amalan saringan awal penyakit kanser dan pencegahan kanser melalui amalan gaya hidup sihat.

Program berakhir dengan

penyampaian hadiah kepada peserta yang terpilih dinobatkan Peserta Terbaik Pink Ribbon Walk 2017 iaitu Ketua Pembantu Perpustakaan,

Jabatan Perpustakaan Rogaya Ahmad.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Pustakawan UMS Dg Rukiah Ag Amit.



DG RUKIAH (kanan) menyampaikan hadiah kepada Peserta Terbaik Pink Ribbon Walk 2017.